



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2022

PENGISYTIHARAN CUTI REHAT WAJIB SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022

1. Selaras dengan pengumuman Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja selaku pihak berkuasa yang diamanahkan oleh Majlis Raja-Raja pada malam 1 Mei 2022 (Ahad), telah bersetuju bahawa Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 adalah pada 02 Mei 2022. Sehubungan itu, pelaksanaan Cuti Rehat Wajib akan dipinda daripada **02 Mei 2022 (Isnin)** kepada **04 Mei 2022 (Rabu)**.
2. Cuti Rehat Wajib ini dilaksanakan setelah mengambilkira rekod-rekod terdahulu jumlah kehadiran staf di pejabat yang kecil sepanjang tempoh perayaan seterusnya penjimatan utiliti seperti elektrik, air dan telekomunikasi dapat dioptimumkan.
3. Cuti rehat wajib ini akan ditolak terus daripada kelayakan cuti rehat tahunan dan staf tidak perlu memohon cuti rehat pada tarikh tersebut. Cuti Rehat Wajib ini akan direkodkan dalam jumlah cuti rehat tahunan bagi semua staf UMK dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing perlu mengambil maklum dan mengesahkannya.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'MAZULA BINTI SABUDIN'.

MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

1 MEI 2022

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab